



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

# KOMITMEN INTEGRITI

## KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

Menjunjung matlamat Arahan YAB Perdana Menteri No.1 Tahun 2023 : Gerakan Pemantapan Tatakelola Nasional untuk meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan sektor awam dan memastikan perkhidmatan tersebut disampaikan dengan berintegriti, warga KPT komited untuk :

- i. Membudayakan tatakelola yang baik dalam sistem pengurusan pentadbiran di Kementerian bagi memastikan sifar ketirisan wang Kerajaan, pembaziran, risiko rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa;
- ii. Menghormati prinsip kebertanggungjawaban pegawai awam kepada rakyat dalam urusan pentadbiran Kerajaan;
- iii. Memastikan dasar, projek dan program yang dilaksanakan oleh Kementerian serta agensi di bawahnya menggunakan sumber Kerajaan secara optimum dan efisien;
- iv. Menilai semula keberkesanan dasar, projek dan program yang dilaksanakan oleh Kementerian serta agensi di bawahnya dari semasa ke semasa supaya selari dengan visi dan misi Kementerian;
- v. Memberi keutamaan kepada inisiatif pengukuhan integriti dan peningkatan kompetensi warga Kementerian serta agensi di bawahnya bagi mencegah kelemahan governans dan integriti;
- vi. Mengkaji serta menambah baik dasar, perundangan, dan prosedur kerja yang berisiko berlakunya pelanggaran integriti, perlakuan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan;
- vii. Menyiasat aduan dan maklumat pelanggaran tatakelakuan, salah guna kuasa dan penyelewengan dengan adil dan berkecuali;
- viii. Mengambil tindakan tatatertib terhadap pelanggaran tatakelakuan, salah guna kuasa dan penyelewengan dengan menghormati hak pihak terlibat untuk didengari; dan
- ix. Merujuk aduan dan maklumat yang berasas dan mempunyai unsur kesalahan jenayah di bawah undang-undang yang berkuat kuasa kepada agensi penguatkuasaan yang berkenaan untuk tindakan sewajarnya.

.....  
(Dato' Seri Ir. Dr. Zaini bin Ujang)

**Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi**



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

**SURAT AKU JANJI  
POLISI ANTIRASUAH ABMS  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI (KPT)**

Saya, seperti nama di bawah, dengan sesungguhnya mengaku telah menerima, membaca dan memahami isi kandungan perkara berikut:

- i. POLISI PEMBERIAN DAN PENERIMAAN HADIAH**
- ii. POLISI PERCANGGAHAN KEPENTINGAN**
- iii. KOMITMEN INTEGRITI**

Saya sesungguhnya faham sekiranya saya gagal mematuhi perkara tersebut di atas, saya boleh dikenakan tindakan tatatertib mengikut Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U. (A) 395/1993] dan Peraturan-Peraturan lain yang berkuat kuasa.

Senarai Nama Pegawai

Bil.	Nama	Pangkat	Tandatangan
1.			
2.			

Di hadapan saya,

.....  
(Tandatangan Setiausaha Bahagian/Ketua Unit)

.....  
(Tarikh)

.....  
(Cap Rasmi)

Untuk Kegunaan Dalaman KPT Sahaja